

21 MAR 2000

SYED HAMID HARGAI PENCALONAN UNTUK JAWATAN NAIB PRESIDEN

KOTA KINABALU, 21 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang setakat ini mendapat 13 pencalonan untuk jawatan naib presiden Umno, berkata beliau menghargai keputusan bahagian-bahagian yang mencalonkan beliau untuk jawatan nombor tiga parti itu.

"Kita perlu bersyukur walau apapun pencalonan yang dibuat oleh bahagian," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah "Hubungan Antarabangsa Dalam Era Globalisasi: Peranan Untuk Sabah" di sini.

Beliau yang diminta mengulas pencalonan yang diterimanya setakat ini untuk pemilihan Umno Mei ini, juga berkata: "Saya tidak patut complen...walaupun banyak perkara yang saya boleh katakan saya tidak puashati, tetapi itu sudah semulajadi dalam politik. Saya perlu menerimanya."

Beliau juga diminta mengulas trend pencalonan yang menyaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendapat pencalonan hampir 100 peratus masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

"Hakikatnya ialah tiada seorang pun di peringkat bawahan pernah menyatakan yang mereka mahukan jawatan-jawatan itu ditandingi.

"Apabila pilihan perlu dibuat bagi kestabilan dan perpaduan, kita mengelak daripada timbulnya konflik dan ini diterjemahkan dalam kebijaksanaan keputusan bahagian-bahagian," katanya.

-- BERNAMA

JS RON